

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 16

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah *MyBrain* akan mula beroperasi kepada program Sarjana kepada seluruh bidang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ada menawarkan tajaan Biasiswa **Program MyBrainSc** merangkumi peringkat pengajian dari Ijazah Pertama ke peringkat Ph.D. Tajaan MyBrainSc adalah hanya merangkumi bidang Sains Tulen sahaja iaitu empat (4) bidang: Matematik, Fizik, Kimia dan Biologi.

Program tajaan Biasiswa MyBrainSc ini diperkenalkan pada tahun 2012 bertujuan untuk melahirkan pemenang Anugerah Nobel Laureate pertama dari Malaysia di dalam bidang penyelidikan. Sehubungan dengan itu, biasiswa ini hanya ditawarkan di dalam bidang Sains Tulen sahaja (Matematik, Fizik, Kimia dan Biologi) dan Kementerian tidak merancang untuk memperluaskan ke bidang-bidang yang lain.

NO. SOALAN: 16

Selain daripada program MyBrainSc, Kementerian turut menjalankan operasi tajaan Biasiswa **Program MyBrain15** yang merangkumi pelbagai bidang pengajian dari peringkat Sarjana ke Ph.D (termasuk Ph.D Industri). Walau bagaimanapun **tawaran baru** Program MyBrain15 pada masa ini terpaksa ditangguhkan akibat kekangan kewangan negara. Namun demikian, Kementerian masih meneruskan pembiayaan baki 1,606 orang pelajar di bawah program MyBrain15 yang masih dalam tempoh penajaan sehingga tahun 2023.

Kedua-dua program MyBrain ini diperkenalkan sebagai sebahagian daripada subset untuk menyokong sasaran melahirkan 60,000 orang pemegang Ph.D warganegara Malaysia menjelang tahun 2025 seperti yang digariskan di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Walaupun Program MyBrain15 ditangguhkan pada tahun 2019, Kementerian masih meneruskan pemberian *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* kepada Universiti Awam di Malaysia yang dilihat mampu melahirkan pemegang Ph.D melalui pengajian peringkat pasca-siswazah yang lebih bersasar samada berfokus terhadap skop penyelidikan yang dilaksanakan oleh pihak UA mahupun pelajar yang lebih bertanggung jawab dalam menamatkan pengajian dengan kualiti akademik yang cemerlang mengikut tempoh masa yang ditetapkan (Graduate on Time) melalui seliaan ketat penyelia kajian yang juga merupakan pensyarah mereka di UA berkaitan.

Sekian, terima kasih

RJM 34